



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1982**

---

WAKTU MAKAN/RIHAT TENGAH HARI PADA HARI  
JUMAAT DI NEGERI-NEGERI DI MANA HARI JUMAAT  
BUKAN CUTI MINGGUAN

Berikut dengan keputusan Kerajaan untuk menggunakan satu waktu standard bagi seluruh negara iaitu 8 jam mendahului "Greenwich Mean Time" (G.M.T.) mulai 1hb Januari 1982 maka waktu makan/rihat tengah hari pada hari Jumaat bagi negeri-negeri di mana hari Jumaat bukan cuti mingguan adalah dipinda seperti berikut:

- (a) Semenanjung ... ... pukul 12.15 tengah hari  
hingga 2.45 petang
- (b) Sabah dan  
... ... pukul 11.30 pagi hingga  
    Sarawak

-----

2. Oleh hal yang demikian maka peraturan dalam Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan yang berikut mengenai waktu makan/rihat tengah hari pada hari Jumaat di negeri-

negeri di mana hari Jumaat bukan cuti mingguan hendaklah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan

"Waktu Makan pada Hari            12.00 tengahari hingga  
Jumaat                                    2.30 petang"

yang terkandung dalam perenggan 8 (b) di Lampiran "D" masing-masing dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1977, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1977, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1977 dan memotong perkataan-perkataan

"Waktu Makan pada hari            12.00 tengahari hingga 2.30  
Jumaat                                    petang pada hari-hari bekerja  
    penuh"

di perenggan 2 (a) (ii) di Lampiran "D" masing-masing dalam Pekeliling Perkhidmatan Gaji Bersih Baru bagi Pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun Semenanjung Malaysia Tahun 1977 dan

Pekeliling Perkhidmatan Gaji Bersih Baru bagi Pekerja-pekerja Kuasa-kuasa Tempatan Semenanjung Malaysia Tahun 1977 serta memotong perkataan-perkataan

"Waktu Makan pada hari 12.45 tengahari hingga 2.30  
Jumaat                                    petang pada hari-hari bekerja  
    penuh"

di perenggan 6 (a) (ii) dalam Pekeliling Lembaga Pusat Bilangan 1 Tahun 1978 dan menggantikan perkataan-

perkataan tersebut dengan perkataan-perkataan yang berikut:

"Waktu Makan/Rihat      12.15 tengah hari hingga  
Tengah Hari pada hari      2.45 petang"  
Jumaat

3. Demikian juga perkataan-perkataan

"Waktu Makan pada hari 12.00 tengahari hingga  
Jumaat                        2.30 petang"

yang terkandung di perenggan 8 (b) di Lampiran "D" masing-masing

dalam [\*\*Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1978\*\*](#) dan [\*\*Pekeliling\*\*](#)

[\*\*Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1978\*\*](#) dan perkataan-perkataan

"Waktu Makan pada Hari 12.00 tengahari hingga 2.30  
Jumaat                        petang pada hari-hari bekerja  
                                  penuh"

di perenggan 2 (a) (ii) di Lampiran "D" masing-masing dalam Pekeliling

Perkhidmatan Gaji Bersih Baru bagi Pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun di Sabah Tahun 1978, Pekeliling Perkhidmatan Gaji Bersih Baru bagi Pekerja-pekerja Kuasa-kuasa Tempatan di Sabah Tahun 1978, Pekeliling Perkhidmatan Gaji Bersih Baru bagi Pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun di Sarawak Tahun 1978, dan Pekeliling Perkhidmatan Gaji Bersih Baru bagi Pekerja-pekerja Kuasa-kuasa Tempatan di Sarawak Tahun 1978 hendaklah dipotong dan digantikan dengan perkataan-perkataan

"Waktu Makan/Rihat      11.30 pagi hingga  
Tengah Hari pada Hari      2.00 petang"  
Jumaat

4. Tarikh kuatkuasa Pekeliling ini ialah mulai daripada 1hb

Januari, 1982.

TAN SRI OSMAN S. CASSIM,

*Ketua Pengarah Perkhidmatan*

*Awam,*

*Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
KUALA LUMPUR.

*4hb Januari, 1982.*